

HAK UNTUK PERSEKITARAN YANG SIHAT DAN LARANGAN MEROKOK DI PREMIS MAKAN

NURHAYATI ABDUL GHANI

nurhayati.ag@kuis.edu.my

NORAZLA BINTI ABDUL WAHAB

norazla@kuis.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Setiap manusia mempunyai hak asasi untuk hidup. Ini termasuklah hak untuk hidup dalam persekitaran yang sihat. Setiap orang harus dapat hidup di persekitaran yang kondusif untuk kesihatan dan kesejahteraan mereka. Hak ini termasuk dalam hak untuk kesihatan fizikal dan mental. Ini merupakan tanggungjawab negara untuk mengambil langkah-langkah bagi menyediakan hak untuk kesihatan seperti meningkatkan semua aspek kebersihan alam sekitar. Alam sekitar merujuk kepada alam sekeliling kita termasuk udara. Malaysia telah menyertai *Perjanjian WHO Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC) pada tahun 2005. Di bawah Artikel 8 perjanjian ini, semua tempat yang mempunyai akses kepada orang awam hendaklah dijadikan tempat larangan merokok. Kementerian Kesihatan Malaysia telah punewartakan zon larangan merokok di seluruh negara sejajar dengan Artikel 8 FCTC, untuk melindungi golongan bukan perokok daripada bahaya asap rokok. Pewartaan ini dibuat di bawah kuasa yang diperuntukan oleh Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Hasil Tembakau 2004. Larangan merokok di premis atau tempat makan telah dibuat melalui Peraturan-Peraturan Hasil Tembakau 2004 (Pindaan 2018). Artikel ini ditulis untuk menjelaskan bahawa larangan merokok tersebut adalah suatu inisiatif kerajaan untuk mengadakan persekitaran yang sihat kepada rakyat negara ini.

Kata kunci: hak persekitaran yang sihat, larangan merokok, premis makan.

1. Pendahuluan

Hak asasi manusia yang paling asas ialah hak untuk hidup. Tanpa nyawa, seseorang itu akan tidak lagi diiktiraf kewujudannya di dunia ini. Perkembangan hak untuk hidup ini mencakupi bukan sekadar hak untuk mendapat keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal, tetapi juga hak untuk mendapatkan rawatan, pendidikan dan hak untuk berkerja untuk memenuhi tuntutan kehidupan. Dalam usaha untuk hidup, mencari dan membina kehidupan, manusia mengeksploitasi dan menggunakan sumber alam sekitar. Aktiviti-aktiviti pembalakan, pertanian, perindustrian dan lain-lain yang tidak terkawal, akhirnya memberikan kesan buruk kepada alam sekitar, seperti kesan rumah hijau, penipisan lapisan ozon dan perubahan iklim. Dunia mula memberikan perhatian kepada perjuangan alam sekitar. Alam sekitar adalah tempat hidupnya manusia. Oleh yang demikian, adalah diperakui, hak untuk hidup meliputi hak untuk hidup dalam persekitaran yang sihat.

Umumnya setiap hak mempunyai kewajipan yang sepadan. Manusia mempunyai hak untuk hidup tetapi dalam masa yang sama mempunyai kewajipan untuk tidak merosakkan alam sekitar. Kelestarian alam sekitar adalah tanggungjawab seluruh manusia amnya, bagi memastikan generasi yang akan datang mewarisi alam sekitar untuk membina kehidupan mereka. Tindakan atau aktiviti yang mencemarkan alam sekitar atau membahayakan orang lain

hendaklah dikawal. Walaupun seseorang manusia itu mempunyai hak untuk menikmati kehidupannya, dia tidak boleh menikmatinya dengan cara yang akan menggugat keharmonian, keselamatan dan ketenteraman orang lain untuk menikmati kehidupan. Ini kerana setiap individu mempunyai hak yang sama; untuk hidup dan menikmati kehidupan.

Sebilangan orang memilih untuk menjadi perokok dan menegaskan bahawa merokok adalah hak mereka. Mereka memilih untuk menikmati kehidupan mereka dengan merokok dan merasa bahawa pilihan mereka ini perlu dihormati oleh masyarakat umum. Malangnya, apa yang mereka sifatkan sebagai 'nikmat' ini telah terbukti sesuatu yang bahaya dan memudaratkan. Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa rokok membahayakan kesihatan, bukan sahaja kepada perokok, malah lebih berbahaya kepada orang sekeliling yang turut terhidu asap rokok tersebut. Bahaya dan kesan buruk akibat merokok telah menjadi satu pengetahuan umum bahkan fatwa bahawa merokok adalah haram telah dikeluarkan oleh majlis fatwa negeri-negeri di Malaysia seperti Selangor, Pahang, Kedah dan Pulau Pinang. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke - 37 lebih 15 tahun lalu, pada 23 Mac 1995 telah memutuskan dengan jelas bahawa merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudharatan.

Dari segi undang-undang, secara amnya, merokok bukanlah satu kesalahan. Walau bagaimana pun, merokok di premis awam termasuk tempat makan adalah satu kesalahan. Kementerian Kesihatan Malaysia telahewartakan larangan merokok di premis-premis awam dan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Hasil Tembakau 2004. Pindaan pada tahun 2018 kemudiannya menjadikan tempat/premis makan sebagai kawasan larangan merokok. Artikel ini akan mengupas langkah kerajaan untuk menyediakan persekitaran yang sihat melalui pewartaan dan penguatkuasaan undang-undang. Keputusan untuk membuat peraturan tersebut telah dibuat dengan kuasa yang diberikan oleh undang-undang, dengan justifikasi yang rasional dan munasabah, serta mematuhi prosedur yang ditetapkan.

2. Hak untuk Persekitaran yang Sihat

Hak untuk mendapatkan persekitaran yang sihat adalah hak asasi manusia yang disokong oleh organisasi hak asasi manusia dan organisasi persekitaran untuk melindungi sistem ekologi yang menyediakan kesihatan manusia. Hak ini termasuk dalam hak untuk kesihatan yang disebut dalam *International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights* (ICESCR) yang menyatakan bahawa tanggungjawab negara untuk mengambil langkah-langkah bagi menyediakan hak untuk kesihatan seperti meningkatkan semua aspek kebersihan alam sekitar.(HRW,2018). Hak untuk persekitaran yang sihat telah dianggap sebagai aspek penting dari hak untuk hidup, kerana tanpa lingkungan yang sihat tidak mungkin kualiti hidup bahkan kehidupan, dapat dipertahankan. Hak untuk hidup merupakan hak semula jadi (*inherent and natural rights*) adalah teras kepada intipati hak asasi manusia. (Haseeb Ansari,

Idea utama hak asasi alam sekitar adalah bahawa orang berhak untuk hidup dalam persekitaran yang sihat, bersih dan selamat. Biasanya, masyarakat menghormati hak-hak ini dengan meluluskan undang-undang itu melindungi udara, air, tanah dan makanan. (Nicholas, 2017) Persekitaran yang sihat ditakrifkan sebagai persekitaran yang bebas daripada unsur-unsur yang

membahayakan kesihatan seperti binatang dan serangga pembawa penyakit seperti tikus, lipas, lalat dan sebagainya serta bebas daripada pencemaran sama ada pencemaran air, udara, tanah atau makanan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, persekitaran sihat ialah satu tempat di mana anggotanya hidup untuk mencapai satu visi kesihatan dan kesejahteraan masyarakat yang dipersetujui bersama. Persekitaran sihat membekalkan masyarakat dengan keadaan fizikal, psikologikal, sosial dan organisasi yang dapat mempromosi dan melindungi kesihatan dan keselamatan mereka. Persekitaran yang sihat memberi tumpuan kepada perlindungan kesihatan individu daripada ancaman luaran dan dalaman akibat *hazard*, tekanan dan kualiti persekitaran yang merosot. Persekitaran sihat juga bermaksud satu keadaan persekitaran (*setting*) yang bersih, selamat dan indah yang merangkumi rumah, sekolah, premis makanan, tempat kerja, taman dan lain-lain. (KKM, 2002).

Perbincangan hak ini giat dilakukan di peringkat antarabangsa, melalui instrumen triti antarabangsa di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Environmental Programme -UNEP) telah ditubuhkan pada bulan Jun tahun 1972 selepas *United Nations Conference on the Human Environment* di Stockholm. Ia menjadi pihak berkuasa global berkenaan alam sekitar yang menetapkan agenda persekitaran global, mempromosikan pelaksanaan dimensi persekitaran yang koheren dan pembangunan lestari dalam sistem PBB, selain berfungsi sebagai pembela untuk persekitaran global. Kesedaran alam sekitar ini timbul rentetan daripada kesan buruk perubahan iklim dan kesan rumah hijau yang direkodkan oleh kajian-kajian yang diakibatkan oleh eksploitasi berlebihan terhadap sumber alam. Idea pembangunan lestari (*sustainable development*) mula menjadi perbincangan umum. Selepas daripada itu, pada tahun 1992 Deklarasi Rio telah terhasil daripada *Earth Summit* atau United Nations Conference on Environment and Development (UNCED). Deklarasi Rio terdiri dari 27 prinsip yang bertujuan untuk membimbing negara dalam pembangunan lestari di masa depan. Secara ringkasnya, masyarakat dunia umumnya meletakkan tanggungjawab untuk menjaga alam sekitar dan mewujudkan persekitaran yang sihat adalah tanggungjawab negara.

Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, tidak ada peruntukan secara jelas untuk hak persekitaran yang sihat. Namun, hak ini, termasuk dalam Perkara 5, yang menjamin hak untuk hidup dan kebebasan. Oleh itu, menurut Abdul Haseeb (1998) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan secara implisit mengakui hak untuk persekitaran yang sihat. Terdapat langkah di negara ini untuk meminda Perlembagaan untuk secara eksplisit memberikan hak untuk persekitaran yang sihat. Dr. Aziz Bari (1999) mempunyai pandangan berbeza. Meskipun Perkara 5 tidak memperuntukkan hak persekitaran sihat secara eksplisit, tetapi ia diiktiraf sebagai satu hak kebebasan asasi dalam kes *Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar & Anor v Kajing Tubek & Ors and other appeals* [1997] 3 MLJ 23 (CA). Mahkamah Rayuan mengakui bahawa aduan orang asli itu berada dalam ruang lingkup 'kehidupan' berdasarkan pasal 5 (1) yang:

“... Menggabungkan semua aspek yang merupakan bahagian yang tidak terpisahkan dari kehidupan itu sendiri dan perkara-perkara yang membentuk kualiti hidup.... Ini termasuk hak untuk hidup dalam lingkungan yang sihat dan bebas pencemaran.”

Walaupun Malaysia masih belum menyertai ICESCR, dalam kenyataan wakil Malaysia di Perhimpunan Agong PBB pada tahun 2011, menyatakan komitmen negara terhadap isu hak asasi dan alam sekitar. Kemungkinan penyertaan Malaysia ke ICESCR sedang dalam pertimbangan kerajaan melalui jawatankuasa kecil teknikal yang ditubuhkan di bawah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Dua tahun selepas Deklarasi Rio, Malaysia telah mempunyai Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (berkuatkuasa tahun 1975) iaitu suatu akta bertujuan mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya. Sehingga hari ini, pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan bagi menjaga, memelihara dan memulihara alam sekitar. Ini termasuklah mewartakan zon larangan merokok di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Hasil Tembakau 2004. Beberapa pindaan telah dibuat untuk menambah premis larangan merokok. Sehingga kini, terdapat 23 premis yang diwartakan sebagai zon larangan merokok.

Perbincangan artikel ini hanya tertumpu kepada langkah kerajaan mengadakan zon bebas merokok sebagai satu usaha untuk meningkatkan kualiti udara dengan mengurangkan pencemaran udara yang disebabkan oleh aktiviti merokok. Sebagai sebuah negara ahli kepada Perjanjian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC) yang berkuatkuasa pada 27 Februari 2005, Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk Di bawah Artikel 8 untuk melindungi golongan bukan perokok daripada bahaya asap rokok dengan mengadakan zon bebas rokok. Memetik daripada laman web WHO FCTC:

The WHO FCTC was developed in response to the globalization of the tobacco epidemic and is an evidence-based treaty that reaffirms the right of all people to the highest standard of health. The Convention represents a milestone for the promotion of public health and provides new legal dimensions for international health cooperation.

Dengan kata lain, WHO FCTC secara tidak langsung, memperakui bahaya tembakau dan rokok kepada masyarakat, bukan sahaja perokok dan bukan perokok, sehingga disebut sebagai “*tobacco epidemic*”.

3. Rokok dan Kesannya

Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan rokok sebagai tembakau yang digulung dalam daun nipah, atau daun-daun lain, kertas dan sebagainya. Ini adalah makna tradisi rokok yang kebiasaannya dibalut berbentuk silinder berukuran antara 70mm hingga 120mm dengan diameter 10mm (berlainan mengikut negara). Rokok dibakar pada salah satu hujungnya dan dibiarkan membara agar asapnya dapat dihirup melalui mulut pada hujung yang lain. Rokok moden hari ini adalah tembakau yang diproses. Ia mengandungi 600 bahan kandungan yang akan mengaktifkan 7000 bahan kimia setiap kali sebatang rokok dibakar dan 69 bahan kandungan tersebut adalah bahan karsinogen iaitu penyebab kanser. (Haris Asyraf, 2021).

Terlampau banyak kesan buruk rokok kepada perokok. Ini telah dibuktikan oleh kajian-kajian yang dilakukan di seluruh dunia. Ia menjejaskan kesihatan paru-paru, jantung, otak dan saraf, sistem pencernaan, prestasi seksual dan penampilan diri. (Haris Asyraf, 2021). Kandungan

nikotin dalam rokok akan menyebabkan saluran darah menjadi sempit dan secara tidak langsung menyekat dan mengurangkan kelancaran aliran darah. Ini menjejaskan fungsi jantung dalam membekalkan oksigen ke sel-sel jantung sendiri. Jantung yang diperbuat daripada otot memerlukan bekalan oksigen yang tinggi kerana jantung sentiasa bekerja untuk mengepam darah ke seluruh anggota. Keadaan ini boleh menyebabkan serangan jantung.

Selain itu, merokok akan menyebabkan seseorang akan ketagih dan tidak dapat berhenti. Nikotin mampu membuatkan seseorang merasa gembira. Nikotin mempunyai ciri-ciri seperti hormon dopamin yang berperanan meningkatkan mood seseorang. Kesan ini meningkatkan keinginan merokok sekaligus menyebabkan ketagihan. Namun, perasaan gembira ini hanyalah suatu kepalsuan kerana perokok tidak menyedari kesan buruk yang berlaku pada otak mereka disebabkan ketagihan ini.

Risiko bahaya rokok adalah adalah sama dihadapi oleh perokok pasif. Perokok pasif merujuk kepada orang sekeliling perokok yang terpaksa menghidu asap rokok basi yang terhasil daripada aktivi merokok perokok. Asap rokok basi adalah asap rokok yang keluar dari hujung rokok yang dibakar dan ditambah dengan asap yang dihembus oleh perokok ke persekitaran. Berdasarkan pelbagai kajian yang telah dilakukan, wanita dan kanak - kanak antara golongan paling ramai menderita diserang penyakit bahaya kesan daripada pencemaran asap rokok daripada perokok tegar sekitar mereka. Bayi dan kanak - kanak yang terdedah kepada asap rokok berisiko mendapat pelbagai jenis penyakit yang merbahaya seperti lelah, jangkitan paru - paru dan bagi wanita yang mengandung juga pula boleh melemahkan kandungan. Pada orang dewasa, asap rokok basi boleh menyebabkan penyakit kardiovaskular dan pernafasan yang serius termasuk masalah koronari jantung dan kanser paru-paru. Pada bayi pula, ianya boleh menyebabkan kematian mengejut manakala pada wanita hamil, ianya boleh menyebabkan kelahiran bayi yang mempunyai berat badan rendah.

Ruang merokok berasingan atau bilik yang mempunyai sistem pengalih udara yang canggih tidak melindungi bukan perokok daripada bahaya asap rokok basi. Asap rokok basi akan tersebar daripada ruang merokok ke ruang larangan merokok walau pun pintu yang memisahkan kedua-dua ruang tersebut ditutup, dan sistem pengalih udara terbaik disediakan. Asap beracun ini juga akan melekat pada pakaian, makanan, langsir, sofa, karpet dan sebagainya yang terdapat di sekeliling perokok. Hanya persekitaran yang 100% bebas asap rokok sahaja berupaya memberikan perlindungan yang berkesan. Kira-kira 40% daripada semua kanak-kanak sentiasa terdedah kepada asap rokok basi di rumah. 31% daripada kematian akibat pendedahan kepada asap rokok basi berlaku pada kanak-kanak. Remaja yang terdedah kepada asap rokok basi di rumah akan 1.5 - 2 kali lebih berkemungkinan untuk mula merokok berbanding dengan remaja yang tidak terdedah.

Tidak ada paras pendedahan yang selamat kepada asap rokok basi. Kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati bahawa asap rokok mengandungi lebih banyak bahan-bahan beracun seperti nikotin, formaldehid, agen penyebab kanser dan benzena berbanding dengan asap utama yang disedut oleh perokok. Malahan asap ini lebih berbahaya kerana ia akan terapung di udara untuk beberapa lama. Selain itu, kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia

(WHO) juga mendapati bahawa asap rokok mengandungi lebih banyak bahan-bahan beracun seperti nikotin, formaldehid, agen penyebab kanser dan benzena berbanding dengan asap utama yang disedut oleh perokok. Malahan asap ini lebih berbahaya kerana ia akan terapung di udara untuk beberapa lama.

Lebih membimbangkan, bahaya rokok boleh membawa kepada kematian. Laporan tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2015 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), rokok direkodkan sebagai penyumbang utama kematian dengan 20,000 kematian setiap tahun. Fakta daripada USM Tobacco Quitline pula, lebih daripada 600,000 orang mati setiap tahun akibat pendedahan kepada asap rokok basi. Menurut KKM, 2020, 78% penduduk Malaysia terdiri daripada mereka yang tidak merokok, tetapi berhadapan dengan risiko bahaya asap rokok yang sama dengan 22% perokok.

Tidak hairanlah banyak negara telah mengharamkan larangan merokok di tempat awam. Semua keburukan yang dibawa oleh rokok ini perlu diberi perhatian serius oleh semua umat Islam dalam negara kita. Ulama Islam juga telah mengharamkan rokok selaras dengan perintah Allah SWT di dalam kitab suci Al – Qur’an seperti firman Allah SWT di dalam Surah al - Baqarah, ayat 195 yang bermaksud “Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan”. Allah SWT juga telah berfirman di dalam Surah al – A’raf: 157 yang bermaksud “Ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk...”.

Bahaya dan kesan buruk akibat merokok telah menjadi satu pengetahuan umum bahkan fatwa bahawa merokok adalah haram telah dikeluarkan oleh majlis fatwa negeri-negeri di Malaysia seperti Selangor, Pahang, Kedah dan Pulau Pinang. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke - 37 lebih 15 tahun lalu, pada 23 Mac 1995 telah memutuskan dengan jelas bahawa merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudharatan, bukan sahaja kepada perokok, tetapi masyarakat sekeliling.

Pengharaman rokok terbabit telah dibuat berdasarkan tiga faktor utama iaitu merokok membahayakan kesihatan diri perokok itu sendiri, merokok mendatangkan kemudaratan kepada orang di sekeliling yang terpaksa menghidu bau asap rokok berkenaan, serta sikap merokok itu sendiri yang menjurus kepada proses pembaziran wang, masa dan tenaga serta merugikan perokok yang menggunakannya. Merokok juga membawa kerosakan alam sekitar melalui pencemaran akibat daripada asap rokok yang dihasilkan serta proses pembuangan putung-putung rokok yang merata-rata di atas jalan. Rokok juga berisiko tinggi untuk mencetuskan kebakaran sekiranya putung-putung rokok yang digunakan tidak dipadam sepenuhnya dan dicampak dengan sesuka hati di tempat yang mudah terbakar.

4. Larangan Merokok di Premis Makan

Melihat kepada bahaya merokok kepada perokok dan orang sekitarnya, maka adalah wajar bagi pihak yang berautoriti untuk membuat undang-undang atau peraturan yang melarang aktiviti merokok terutama di tempat-tempat awam yang biasa dikunjungi oleh pengunjung wanita dan kanak-kanak. Kawasan yang bebas dari asap rokok merupakan satu-satunya cara efektif dan murah untuk melindungi masyarakat dari bahaya asap rokok orang lain. (Nizwardi Azkha, 2013)

Di Malaysia, kawalan merokok ini berada di bawah kuasa Kementerian Kesihatan. Larangan merokok di premis makanan tertutup (berhawa dingin) telah diwartakan sejak 2004. Larangan ini dibuat di bawah kuasa yang diberikan oleh seksyen 36 (2)(d) Akta Makanan 1983 yang memberikuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta yang mengadakan peruntukan larangan terhadap merokok hasil tembakau dalam bangunan tertentu dan perisytiharan apa-apa tempat sebagai suatu tempat larangan merokok dan suatu notis mengenainya hendaklah dilekatkan di tempat tersebut. Menteri juga diberi kuasa di bawah peraturan 22, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (Pindaan 2012) untuk melarang merokok dalam sesuatu bangunan, premis atau tempat iaitu;

“22. (1) Walau apa pun subperaturan 11(1), Menteri boleh melalui pemberitahuan dalam Warta dan tertakluk kepada apa-pa syarat yang difikirkannya patut, mengisytiharkan mana-mana bangunan atau premis, atau bahagian bangunan atau premis itu, atau sesuatu tempat atau bahagian tempat itu, yang orang awam mempunyai akses sebagai kawasan atau tempat yang dilarang merokok.

(2) Tiada seorang pun boleh merokok di dalam mana-mana bangunan, premis atau tempat yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah subperaturan (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun”.

Sehingga tahun 2018, KKM telah pun mewartakan 23 tempat larangan merokok termasuk tempat Rehat dan Rawat (R&R) di semua lebuh raya serta taman permainan di kawasan tersebut seperti mana termaktub di dalam Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. KKM juga telah mewartakan semua taman awam dan Taman Negara bermula pada Januari 2016. Selain itu, terdapat juga kawasan-kawasan yang diwartakan di bawah Peraturan 22 untuk program Bandar Bebas Asap Rokok ataupun Smoke Free City seperti Melaka, Pulau Pinang, Terengganu, Kelantan dan Johor. (DR3.4.2018)

Langkah pewartaan tempat larangan merokok ini dibuat kerana KKM bertanggungjawab untuk melindungi hak-hak majoriti mereka yang tidak merokok sebanyak 78% daripada populasi rakyat Malaysia berumur 15 tahun ke atas untuk menikmati udara yang bersih/segar tanpa dicemari racun asap rokok/produk tembakau. (KKM, 2020). KKM meletakkan sasaran pengurangan jumlah perokok sebanyak 5% melalui sasaran 'Negara Bebas Asap Rokok' menjelang tahun 2045. (DR3.4.2018).

Dalam Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat(2015), Menteri Kesihatan menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia merancang untuk memperluaskan zon larangan merokok di seluruh negara sejajar dengan Artikel 8, Perjanjian WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC) iaitu melindungi golongan bukan perokok daripada bahaya asap rokok. Di bawah Artikel 8, perjanjian ini, semua tempat yang mempunyai akses kepada orang awam hendaklah dijadikan tempat larangan merokok. Di bawah Pelan Strategik Kebangsaan bagi kawalan tembakau, perancangan berperingkat untukewartakan tempat-tempat awam yang lain termasuk hotel, kedai makan tidak berhawa dingin, pasar awam dan lain-lain telah pun dirancang. Bagi memastikan usaha ini tercapai, KKM turut membuat perancangan bagi memperkukuhkan aktiviti penguatkuasaan di kawasan yang diwartakan. Pihak KKM akan mempertingkatkan penglibatan agensi lain dengan menjalankan proses penurunan kuasa bagi mengeluarkan notis kesalahan merokok terutama kepada agensi-agensi yang berkaitan di tempat yang diwartakan. Penurunan kuasa ini akan memperkukuhkan lagi tanggungjawab mereka sebagai tuan punya premis selaras dengan tanggungjawab tuan punya premis seperti dalam Peraturan 12, Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Selain daripada itu, KKM akan mempergiatkan lagi usaha advokasi ke arah memperkasakan masyarakat untuk menolak budaya merokok dan berani menegur perokok yang melakukan kesalahan di tempat larangan merokok. KKM turut menyokong usaha untuk berhenti merokok bagi mereka yang berminat untuk berhenti merokok, dengan menyediakan program mQuit yang boleh didapati di semua klinik kerajaan di seluruh Malaysia.

Peraturan 11 Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 telah dipinda pada tahun 2018, dengan meluaskan tafsiran tempat makan berhawa dingin termasuklah “Mana-mana kawasan dalam lingkungan jarak tiga meter dari mana-mana meja atau kerusi yang diletakkan bagi tujuan untuk menyediakan, menghidangkan atau menjual makanan.” Tempoh setahun diberikan KKM bagi tujuan pendidikan kepada perokok bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019, dan penguatkuasaan penuh akan bermula pada 1 Januari 2020. Menurut KKM, usaha untuk melaksanakan Larangan Merokok di premis makan telah bermula sejak tahun 2004 hingga 2019 iaitu mengambil masa selama 15 tahun. Beberapa siri perbincangan bersama pihak-pihak pada tahun 2009, 2015 dan 2018 telah diadakan. Pada tahun 2015, perlaksanaannya ditangguhkan lagi kerana adanya permohonan wakil pengusaha kedai makan untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan. Sebelum pindaan 2018 ini dibuat, KKM telah memberi tempoh sehingga 18.5.2018, untuk orang awam memberikan maklum balas berkenaan dengan pelaksanaan Larangan Merokok di premis makan ini.

Menarik untuk dibincangkan di sini, kesahan Pindaan 2018 ini telah dicabar dalam kes *Mohd Hanizam Yunus dan lain-lain lwn Kementerian Kesihatan Malaysia* [2020] 9 MLJ 273 atas alasan ianya bercanggah dengan Perkara 5 kebebasan asasi dan Perkara 8 hak kesamarataan. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa prosedurlarangan merokok di premis makan (dan tiga meter atau 10 kaki dari premis makan) adalah sah kerana pihak KKM (Responden) telah bertindak dalam bidang kuasanya dan keputusan Larangan Merokok di premis makan tidak bertentangan dengan Perkara 5 dan Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan. Keputusan Responden juga tidak dicemari dengan ketaksahan, tidak rasional atau salah.

“Mahkamah ini bahawa Pemohon-Pemohon/Perokok masih mempunyai hak untuk hidup dan kebebasan diri yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Hak asasi yang dijamin ini tidak boleh disamakan dengan hak merokok. Hak merokok adalah suatu hak pilihan kepada seseorang itu. Seseorang itu boleh memilih untuk merokok atau tidak merokok. Pemohon-Pemohon masih boleh merokok selagi mana mereka mahu merokok dengan syarat Pemohon-Pemohon mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Tiada undang-undang menghalang atau mengharamkan Pemohon-Pemohon daripada merokok sama sekali dalam semua keadaan. Namun begitu meskipun Pemohon-Pemohon dan/atau perokok lain boleh merokok, tidak semestinya mereka boleh merokok di mana-mana sahaja mengikut kehendak mereka melainkan tertakluk kepada tempat-tempat yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok.”

5. Penutup

Hak untuk persekitaran yang sihat adalah sesuatu yang sangat penting untuk memberi makna kepada hak untuk hidup. Adalah menjadi tanggungjawab setiap manusia yang menuntut hak untuk hidup, untuk sama-sama menjaga kebersihan dan kesejahteraan alam sekitar, kerana setiap manusia lain, termasuk generasi akan datang, juga mempunyai hak untuk hidup yang sama. Tanggungjawab generasi hari ini untuk mewariskan alam sekitar yang sihat untuk kehidupan generasi akan datang. Dalam konteks negara, menyediakan persekitaran yang sihat melalui kawalan undang-undang adalah diperakui oleh masyarakat antarabangsa sebagai tanggungjawab negara. Malaysia telah menguatkuasakan larangan merokok di premis makan, dan tempat awam yang lain untuk menjaga hak majoriti rakyat yang bukan perokok. Ini kerana rokok dan asap rokok terbukti membahayakan perokok dan masyarakat sekitarnya. Hak untuk merokok bukanlah hak asasi manusia sebaliknya ia adalah ancaman kepada kualiti kehidupan manusia. Semua agensi kerajaan dan setiap individu rakyat Malaysia diharapkan dapat menghindari rokok dan menjadi agen pendidik untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya rokok. Malaysia sebagai sebuah Negara Bebas Rokok adalah tidak mustahil dicapai jika mendapat sokongan padu dari segenap lapisan masyarakat.

6. Rujukan

Abdul Haseeb Ansari (1998) *Right To A Healthful Environment As A Means To Ensure Environmental Justice : An Overview With Special Reference To India, Philippines And Malaysia* [1998] 4 MLJ xxv

Aziz Bari (1999) *Right To Life Under The Federal Constitution And Environmental Issues* [1999] 1 MLJ 1x

Haris Asyraf, (2021) *6 Kesan Merokok Yang Mendatangkan Penyakit Kepada Tubuh Badan*, artikel bertarikh Januari 20, 2021 dan disemak oleh: DoctorOnCall Panel Doctor <https://www.doctoroncall.com.my/health-centre/berhenti-merokok/kesan-merokok>

Najihah Zainol Abidin, Aziemah Zulkifli, Emilia Zainal Abidin, (2016). *Smoke-Free Legislation in Malaysia: A comprehensive review*, Asia Pacific Environmental and Occupational Health Journal (ISSN 2462-2214); Vol 2 (1): 58 - 66, 2016 Published Online © 2016 Environmental and Occupational Health Society

Nicholas F.Stump (2017), *Is a healthy environment a human right? Testing the idea in Appalachia*, The Conversation 14 July 2017, <https://theconversation.com/is-a-healthy-environment-a-human-right-testing-the-idea-in-appalachia-80372>

Nizwardi Azkha, (2013) *Studi Efektivitas Penerapan Kebijakan Perda Kota Tentang Kawasan Tanpa Rokok (Ktr) Dalam Upaya Menurunkan Perokok Aktif Di Sumatera Barat Tahun 2013*, Jurnal Kebijakan Kesehatan Indonesia, Vol. 02, No. 4 Desember 2013 hlmn 171-179.

Kementerian Kesihatan Malaysia, (2002) *Kempen Cara Hidup Sihat 2002*, <https://www.infosihat.gov.my/kchs/tahun-2002.html>

Human Rights Watch (2018) *"The Case for a Right to a Healthy Environment"*. Human Rights Watch. 2018-03-01. <https://www.hrw.org/news/2018/03/01/case-right-healthy-environment>.

Statement By Ms. Farisha Salman Representative Of Malaysia, Third Committee 66th Session Of The United Nations General Assembly New York, 26 October 2011

WHO FCTC <https://www.who.int/fctc/cop/about/en/>

USM Tobacco Quitline, Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia (tanpa tarikh) *Ketahui Bahaya Asap Rokok Basi* <http://myquit.usm.my/index.php/ms/ketahui-fakta/ketahui-bahaya-asap-rokok-basi>

Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas Penggal Ketiga Mesyuarat Ketiga (2015) Bil 44 Dr.28.10.2015 Ms 18

Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Parlimen Ketiga Belas Penggal Keenam Mesyuarat Pertama (Bil 18) DR 3.4.2018 para 11, ms 24.

infosihat.gov dan Portal Myhealth, dipetik daripada artikel SN Filina Fauzian 2020, *Masih hendak menyalakan rokok?* https://pku.upm.edu.my/artikel/masih_hendak_menyalakan_rokok-57882

Rujukan Kes

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar & Anor v Kajing Tubek & Ors and other appeals [1997] 3 MLJ 23 (CA).

Mohd Hanizam Yunus dan lain-lain lwn Kementerian Kesihatan Malaysia [2020] 9 MLJ 273